

**SUATU ANALISIS PROFIL LINGUISTIK  
FORENSIK DALAM TEKS PENULISAN  
ANCAMAN DI MALAYSIA**

**CHAN MEI CHIN**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2019**

**SUATU ANALISIS PROFIL LINGUISTIK  
FORENSIK DALAM TEKS PENULISAN  
ANCAMAN DI MALAYSIA**

**oleh**

**CHAN MEI CHIN**

**Tesis diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**Disember 2019**

## PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah kepada Tuhan yang Maha Esa kerana Dia memberi kesabaran, ketabahan dan kekuatan serta ilham kepada saya untuk menyiapkan tesis ini dalam tempoh yang ditetapkan. Adalah tidak menafikan bahawa penulisan tesis bukan suatu perkara yang mudah kerana proses penulisan memerlukan masa yang panjang dan kesabaran yang amat tinggi di samping terdapat banyak dugaan yang di luar jangkaan jua. Namun demikian, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada individu-individu yang telah menghulurkan bantuan kepada saya sama ada dari segi sokongan moral, doa-doa kepada Tuhan, kewangan dan lain-lain lagi.

Pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya, iaitu Dr.Rozaida binti Haji Abdul Rauf yang bersiap sedia untuk membantu saya dalam proses penulisan tesis saya. Beliau sentiasa memberi bimbingan, tunjuk ajar, sokongan moral yang amat tinggi kepada saya sewaktu saya menulis tesis saya. Pada awal permulaan kajian ini, beliau telah berpesan kepada saya dengan mengatakan bahawa "*Passion is very important in your research.*". Ayat ini amat merangsangkan dan menaikkan semangat saya ketika saya mengalami kebuntuan dalam proses penulisan tesis saya. Beliau juga mempunyai komitmen yang sangat tinggi dalam proses penyeliaan. Walaupun sesetengah bahagian penulisan tesis saya "menyakitkan hati" beliau, tetapi beliau tetap memberi tunjuk ajar yang maksimum untuk membantu saya. Pada waktu yang sama, beliau turut menggalakkan saya untuk melibatkan diri dalam bidang linguistik forensik pada masa hadapan.

Di samping itu, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan kepada para pensyarah Pengajian Bahasa Melayu di Pusat Pengajian

Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, iaitu Prof. Dr. Noriah Mohamed, Prof. Madya Dr. Tajul Aripin Kassin, Dr. Radiah Yusoff, Dr. Aniswal Abd. Ghani, Puan Solakhiah Januri, Dr. Syed Zainal Arif, Dr. Norsofiah Abu Bakar, Dr. Mohd Khaidir Abdul Wahab, Puan Norhaniza Abdul Khairi dan Dr. Jong Hui Ying yang berdedikasi dan sering memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang pengajian saya. Ilmu para pensyarah yang telah dicurahkan kepada saya amat saya hargai sepanjang hayat ini.

Adalah tidak melupakan ucapan terima kasih kepada kakitangan-kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan terutamanya Puan Noor Fadzlin Mohd Pauzi dan Encik Muhamad Azri Bin Jusoh yang selalu membantu saya dalam urusan pelajar ijazah tinggi saya. Penghargaan yang tinggi diberikan kepada ahli-ahli Jawantankuasa Etika Penyelidikan Manusia USM (JEPeM), iaitu Prof. Madya Dr. Azlan Husin, Prof. Dr. Narazah Mohd Yusoff, Encik Mohd Bazlan Hafidz Mukrim, Cik Fatimah Ariffin, Puan Norasiah Mohamed, Prof. Madya Dr. Hamid Jan Jan Mohamed, Prof. Dr. Lee Yeong Yeh, Prof. Dr. Nik Hazlina Nik Hussain, Puan Norleha Mohd Noor, Prof. Madya Oleksandr Krasilshchikov, Prof. Madya Siti Hawa Ali, Dr. Soon Lean Keng, Dr. Surini Yusoff, Prof. Madya Suzina Sheikh Abd Hamid dan Puan Zawiah Abu Bakar yang memberi komitmen dalam penyemakan cadangan kajian saya ketika permohonan etika kajian saya. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada perpustakawan-perpustakawan Hamzah Sendut I USM dan Institut Perubatan dan Pergigian Termaju USM yang bertanggungjawab dalam urusan pinjaman buku saya.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan penghargaan dan kesyukuran yang tinggi kepada ibu bapa saya, iaitu Lee Bee Kheng dan Chan Po Soon yang tidak jemu mendengar keluhan saya sepanjang saya menulis tesis saya. Saya juga amat bersyukur ke atas doa-doa yang diberikan oleh ibu bapa saya supaya proses menulis tesis saya berjalan dengan lancar. Pada masa yang sama, ucapan terima kasih juga tidak tertinggal kepada kawan-kawan yang memberi bantuan kewangan, tempat penginapan, sokongan moral kepada saya semasa urusan menuntut ilmu saya ini.

CHAN MEI CHIN

4 April 2019

## ISI KANDUNGAN

<b>Penghargaan</b>	ii
<b>Isi Kandungan</b>	v
<b>Senarai Jadual</b>	x
<b>Senarai Rajah</b>	xii
<b>Senarai Kata Singkatan</b>	xiv
<b>Abstrak</b>	xx
<b>Abstract</b>	xxii

### **BAB 1 – PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Objektif Kajian	7
1.4	Hipotesis Kajian	8
1.5	Batasan Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Definisi Konsep	12
	1.7.1 Profil Linguistik	13
	1.7.2 Linguistik Forensik	13
	1.7.3 Teks Penulisan Ancaman	14
1.9	Kesimpulan	14

## **BAB 2 – TINJAUAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	15
2.2	Tinjauan Literatur	15
	2.2.1 Latar Belakang Linguistik Forensik	16
	2.2.1(a) Linguistik Forensik	17
	2.2.1(a)(i) Nota Bunuh Diri	17
	2.2.1(a)(ii) Penanda Gaya Penulis	18
	2.2.1(a)(iii) Laras Bahasa	21
	2.2.1(a)(iv) Bukti Linguistik Forensik dan Keabsahannya di Malaysia	22
	2.2.2 Stilistik	23
	2.2.3 Sociolinguistik	27
	2.2.3 (a) Percampuran Kod dan Pengalihan Kod	28
	2.2.3 (b) Variasi Bahasa	30
2.3	Kesimpulan	31

## **BAB 3 – METODOLOGI KAJIAN DAN PENDEKATAN KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	33
3.2	Metodologi Kajian	34
	3.2.1 Kaedah Penyelidikan	34
	3.2.2 Kajian Keratan Rentas	39
	3.2.3 Pengumpulan Data	40
	3.2.4 Pemprofilan Elemen Linguistik Lain dan Struktur Ayat dalam Teks Penulisan Ancaman	43
	3.2.4(a) Carta Profil Pertama PAPSBM	44
	3.2.4(b) Carta Profil Kedua PAPSBM	52

3.2.5	Pengujian Hipotesis	60
3.2.5(a)	Pengaplikasian Alat Analitikal Statistik ( <i>Minitab</i> 18)	61
3.2.5(b)	Statistik Deskriptif dan ANOVA Sehala ( <i>One-way ANOVA</i> )	64
3.2.5(b)(i)	Statistik Deskriptif	64
3.2.5(b)(ii)	ANOVA Sehala ( <i>One-way ANOVA</i> )	65
3.2.5 (c)	Prosedur Kebarangkalian	66
3.3	Pendekatan Kajian	69
3.3.1	Prosedur Penilaian, Pemulihan dan Pemeriksaan Bahasa	69
3.3.2	Prosedur Analisis Profil Stilistik Bahasa Melayu	71
3.3.2(a)	Carta Profil Pertama PAPSBM	75
3.3.2(b)	Carta Profil Kedua PAPSBM	83
3.4	Kerangka Konseptual	87
3.5	Kesimpulan	90

#### **BAB 4 – ANALISIS DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	91
4.2	Gaya Pengolahan Penulisan bagi Sesebuah Teks Penulisan Ancaman	92
4.3	Kesan Penggunaan Elemen Linguistik Lain dan Struktur Ayat dalam Teks Penulisan Ancaman	98
4.3.1	Kesan Penggunaan Tanda Huruf (B2) dalam Teks Penulisan Ancaman	98
4.3.2	Kesan Penggunaan Penghurufan (C) dalam Teks Penulisan Ancaman	99
4.3.3	Kesan Penggunaan Variasi Bahasa (D) dalam Teks Penulisan Ancaman	101
4.3.4	Kesan Penggunaan Singkatan Perkataan (E) dalam Teks Penulisan Ancaman	103



4.3.5	Kesan Penggunaan Pengaruh Ciri Tatabahasa daripada Bahasa Lain (F) dalam Teks Penulisan Ancaman	105
4.3.6	Kesan Penggunaan Struktur Ayat (G) dalam Teks Penulisan Ancaman	106
4.4	Pengujian Hipotesis	108
4.4.1	Kesan Utama Kelompok ke atas Penggunaan Tanda Huruf (B2)	108
4.4.2	Kesan Utama Kelompok ke atas Penggunaan Penghurufan (C)	110
4.4.3	Kesan Utama Kelompok ke atas Penggunaan Variasi Bahasa (D)	112
4.4.4	Kesan Utama Kelompok ke atas Penggunaan Singkatan Perkataan (E)	114
4.4.5	Kesan Utama Kelompok ke atas Penggunaan Pengaruh Ciri Tatabahasa daripada Bahasa Lain (F)	116
4.4.6	Kesan Utama Kelompok ke atas Penggunaan Struktur Ayat (G)	118
4.5	Kesimpulan	119

## **BAB 5 – PERBINCANGAN HASIL DAPATAN KAJIAN**

5.1	Pendahuluan	123
5.2	Penjelasan Perbandingan Pendekatan Stilistik Forensik dengan Pendekatan PAPSBM	124
5.3	Penjelasan Penggunaan Elemen-elemen Linguistik Lain dan Struktur Ayat dalam Teks Penulisan Ancaman	126
5.3.1	Penjelasan Penggunaan Tanda Huruf (B2) dalam Teks Penulisan Ancaman	126
5.3.2	Penjelasan Penggunaan Penghurufan (C) dalam Teks Penulisan Ancaman	128
5.3.3	Penjelasan Penggunaan Variasi Bahasa (D) dalam Teks Penulisan Ancaman	129

5.3.4	Penjelasan Penggunaan Singkatan Perkataan (E) dalam Teks Penulisan Ancaman	133
5.3.5	Penjelasan Penggunaan Pengaruh Ciri Tatabahasa daripada Bahasa Lain (F) dalam Teks Penulisan Ancaman	138
5.3.6	Penjelasan Penggunaan Struktur Ayat (G) dalam Teks Penulisan Ancaman	139
5.4	Kesimpulan	144

## **BAB 6 – PENUTUP**

6.1	Pendahuluan	146
6.2	Data, Teori dan Aplikasi Analisis Profil Linguistik Forensik dalam Teks Penulisan Ancaman	146
6.3	Saranan Kajian Lanjut	150
6.4	Kesimpulan	151

<b>RUJUKAN</b>		153
----------------	--	-----

## **LAMPIRAN**

## SENARAI JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 3.1	Bilangan Perkataan dalam Teks Penulisan Ancaman	43
Jadual 3.2	Klasifikasi Pilihan Leksikal Alternatif	46
Jadual 3.3	Variabel Pautan dan Tahap Variabel Pautan	63
Jadual 3.4	Maklumat dalam Carta Profil Pertama dan Kedua PAPSBM	72
Jadual 3.5	Maklumat dalam Carta Profil Pertama dan Kedua PAPSBM (sambungan)	73
Jadual 3.6	Jenis Tanda Huruf dan Kegunaannya	76
Jadual 3.7	Jenis Tanda Huruf dan Kegunaannya (sambungan)	77
Jadual 3.8	Jenis Variasi Bahasa dan Ciri-cirinya	79
Jadual 3.9	Jenis Variasi Bahasa dan Ciri-cirinya (sambungan)	80
Jadual 3.10	Jenis Variasi Bahasa dan Ciri-cirinya (sambungan)	81
Jadual 3.11	Tujuh Jenis Singkatan Perkataan dan Ciri-cirinya	81
Jadual 3.12	Tujuh Jenis Singkatan Perkataan dan Ciri-cirinya (sambungan)	82
Jadual 4.1	Statistik Deskriptif bagi Kesan Penggunaan Tanda Huruf (B2) dalam Teks Penulisan Ancaman	98
Jadual 4.2	Statistik Deskriptif bagi Kesan Penggunaan Penghurufan (C) dalam Teks Penulisan Ancaman	99
Jadual 4.3	Statistik Deskriptif bagi Kesan Penggunaan Variasi Bahasa (D) dalam Teks Penulisan Ancaman	101
Jadual 4.4	Statistik Deskriptif bagi Kesan Penggunaan Singkatan Perkataan (E) dalam Teks Penulisan Ancaman	103

Jadual 4.5	Statistik Deskriptif bagi Kesan Penggunaan Singkatan Perkataan (E) dalam Teks Penulisan Ancaman (sambungan)	103
Jadual 4.6	Statistik Deskriptif bagi Kesan Penggunaan Pengaruh Ciri Tatabahasa daripada Bahasa Lain (F) dalam Teks Penulisan Ancaman	105
Jadual 4.7	Statistik Deskriptif bagi Kesan Penggunaan Struktur Ayat (G) dalam Teks Penulisan Ancaman	106
Jadual 4.8	Hasil Analisis Varians bagi Penggunaan Tanda Huruf (B2)	109
Jadual 4.9	Hasil Analisis Varians bagi Penggunaan Penghurufan (C)	110
Jadual 4.10	Hasil Analisis Varians bagi Penggunaan Variasi Bahasa (D)	112
Jadual 4.11	Hasil Analisis Varians bagi Penggunaan Singkatan Perkataan (E)	114
Jadual 4.12	Hasil Analisis Varians bagi Penggunaan Pengaruh Ciri Tatabahasa daripada Bahasa Lain (F)	116
Jadual 4.13	Hasil Analisis Varians bagi Penggunaan Struktur Ayat (G)	118
Jadual 5.1	Tiga Jenis Variasi Bahasa yang Kerap Diaplikasikan dalam 30 Buah Teks Penulisan Ancaman	129
Jadual 5.2	Lima Jenis Singkatan yang Dijumpai dalam Ruangan Sembang Televisyen	134
Jadual 5.3	Perbandingan Hasil Dapatan Kajian antara Noriah (2019) dengan Pengkaji	137
Jadual 6.1	Hipotesis Nul yang Ditolak dan Diterima	147
Jadual 6.2	Nilai Tahap Signifikan bagi Penggunaan Tanda Huruf, Penghurufan dan Struktur Ayat	148

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 3.1 Pendekatan Deduktif- Kuantitatif	36
Rajah 3.2 Suatu Analisis Profil Linguistik Forensik dalam Teks Penulisan Ancaman di Malaysia	38
Rajah 3.3 Carta Profil Pertama PAPSBM	44
Rajah 3.4 Pengaruh Ciri Tatabahasa daripada Bahasa Lain dan Pengalihan Kod	51
Rajah 3.5 Lakaran Ringkas bagi Carta Profil Kedua PAPSBM	52
Rajah 3.6 Peringkat Unit-unit Tatabahasa Bahasa Melayu	52
Rajah 3.7 Urutan Proses Analisis Carta Profil Kedua PAPSBM berdasarkan Unit-unit Tatabahasa Bahasa Melayu yang Telah Dimodifikasi	53
Rajah 3.8 Carta Profil Kedua PAPSBM	55
Rajah 3.9 Lembaran Kerja dalam <i>Minitab</i> 18	62
Rajah 3.10 Prosedur Kebarangkalian	66
Rajah 3.11 Hubungan Polar Bertentangan Hipotesis Ekperimen dan Hipotesis Nul	67
Rajah 3.12 Prosedur Penilaian, Pemulihan dan Pemeriksaan Bahasa	70
Rajah 3.13 Carta Profil Pertama PAPSBM	75
Rajah 3.14 Carta Profil Kedua PAPSBM	86
Rajah 3.15 Kerangka Konseptual	89
Rajah 4.1 Carta Profil Kedua PAPSBM	96
Rajah 4.2 Gaya Pengolahan Penulisan bagi Sesebuah Teks Penulisan Ancaman dari Aspek Tanda Huruf, Penghurufan, Variasi Bahasa, Singkatan Perkataan dan Pengaruh Ciri Tatabahasa daripada Bahasa Lain	97
Rajah 4.3 Graf Garis bagi Kesan Penggunaan Tanda Huruf (B2) dalam Teks Penulisan Ancaman	98
Rajah 4.4 Graf Garis bagi Kesan Penggunaan Penghurufan (C) dalam Teks Penulisan Ancaman	100

Rajah 4.5	Graf Garis bagi Kesan Penggunaan Variasi Bahasa (D) dalam Teks Penulisan Ancaman	102
Rajah 4.6	Graf Garis bagi Kesan Penggunaan Singkatan Perkataan (E) dalam Teks Penulisan Ancaman	104
Rajah 4.7	Graf Garis bagi Kesan Penggunaan Pengaruh Ciri Tatabahasa daripada Bahasa Lain (F) dalam Teks Penulisan Ancaman	105
Rajah 4.8	Graf Garis bagi Kesan Penggunaan Struktur Ayat (G) dalam Teks Penulisan Ancaman	107
Rajah 4.9	Prosedur Kebarangkalian Penggunaan Tanda Huruf (B2)	108
Rajah 4.10	Prosedur Kebarangkalian Penggunaan Penghurufan (C)	110
Rajah 4.11	Prosedur Kebarangkalian Penggunaan Variasi Bahasa (D)	112
Rajah 4.12	Prosedur Kebarangkalian Penggunaan Singkatan Perkataan (E)	114
Rajah 4.13	Prosedur Kebarangkalian Penggunaan Pengaruh Ciri Tatabahasa daripada Bahasa Lain (F)	116
Rajah 4.14	Prosedur Kebarangkalian Penggunaan Struktur Ayat (G)	118

## SENARAI SINGKATAN

AKomp	Ayat Komplemen
AKomp FA	Ayat Komplemen Frasa Adjektif
AKomp FK	Ayat Komplemen Frasa Kerja
AKomp FN	Ayat Komplemen Frasa Nama
AKet Ak	Ayat Keterangan Akibat
AKet Ca	Ayat Keterangan Cara
AKet Ha	Ayat Keterangan Harapan
AKet M	Ayat Keterangan Musabab
AKet Pb	Ayat Keterangan Perbandingan
AKet Pt	Ayat Keterangan Pertentangan
AKet Sya	Ayat Keterangan Syarat
AKet Tu	Ayat Keterangan Tujuan
AKet W	Ayat Keterangan Waktu
B	Bebas
BC	Bahasa Cina
BI	Bahasa Inggeris
Bil	Bilangan
BT	Bahasa Tamil
C	Campuran
D1	Penggunaan Abjad Angka ( <i>Alphanumeric</i> )
D2	Penggandaan Separa
D3	Perendahan Vokal /a/
D4	Perendahan Vokal /u/
D5	Kesalahan Penggunaan Huruf Kecil (Kata Nama Khas)

D6	Kesalahan Penggunaan Huruf Besar (Kata Nama Am)
D7	Kesalahan Penggunaan Partikel ‘-lah’
D8	Kesilapan Menaip ( <i>Typing Error</i> )
D9	Kesilapan Mengeja berdasarkan Penyebutan Lisan
FA	Frasa Adjektif
FK	Frasa Kerja
FKet	Frasa Keterangan
FN	Frasa Nama
FS	Frasa Sendi Nama
G	Gabungan
Gel	Gelaran
J	Jumlah
J/T	Jenis Token
KA	Kata Adjektif
KAdv	Kata Adverba
KAr	Kata Arah
KB	Kata Bantu
KBil	Kata Bilangan
Ket	Keterangan
KH	Kata Hubung
KK	Kata Kerja
KKP	Kata Kerja Pasif
KKtr	Kata Kerja Transitif
Kla Adv Ca	Klausa Adverba Cara



Kla Adv Sya	Klausa Adverba Syarat
Kla Adv SM	Klausa Adverba Sebab Musabab
Kla Adv TA	Klausa Adverba Tolak Ansur
Kla Adv Tu	Klausa Adverba Tujuan
Kla Adv U	Klausa Adverba Ulasan
Kla Adv W	Klausa Adverba Waktu
Kla B	Klausa Bebas
Kla Obj	Klausa Objek
Kla Rel	Klausa Relatif
Kla S	Klausa Subjek
Kla TB	Klausa Tak Bebas
KN	Kata Nama
KN <sub>1</sub>	Kata Nama pertama
KN <sub>2</sub>	Kata Nama kedua
KNIn	Kata Nama Inti
K Pangkal A	Kata Pangkal Ayat
K Pembengar	Kata Pembengar
K Pembenda	Kata Pembenda
K Pemer	Kata Pemer
K Penegas	Kata Penegas
K Penekan	Kata Penekan
KPeng	Kata Penguat
KPeng Bebas	Kata Penguat Bebas
KPeng Hadapan	Kata Penguat Hadapan
K Perintah	Kata Perintah

KPLA	Klasifikasi Pilihan Leksikal Alternatif
K Nafi	Kata Nafi
KS	Kata Sendi Nama
KSe	Kata Seru
KT	Kata Tanya
Obj	Objek
Obj <sub>1</sub>	Objek pertama
Obj <sub>2</sub>	Objek kedua
Pan	Pancangan
Pan Komp	Pancangan Komp
Pan Rel	Pancangan Relatif
Pan Ket	Pancangan Keterangan
PAPSBM	Prosedur Analisis Profil Stilistik Bahasa Melayu
Pel	Pelengkap
Pen	Penerang
Penj Bil	Penjodoh Bilangan
Pent	Penentu
RSF	Rumus Struktur Frasa
TPA 1	Teks penulisan ancaman 1
TPA 2	Teks penulisan ancaman 2
TPA 3	Teks penulisan ancaman 3
TPA 4	Teks penulisan ancaman 4
TPA 5	Teks penulisan ancaman 5
TPA 6	Teks penulisan ancaman 6
TPA 7	Teks penulisan ancaman 7

TPA 8	Teks penulisan ancaman 8
TPA 9	Teks penulisan ancaman 9
TPA 10	Teks penulisan ancaman 10
TPA 11	Teks penulisan ancaman 11
TPA 12	Teks penulisan ancaman 12
TPA 13	Teks penulisan ancaman 13
TPA 14	Teks penulisan ancaman 14
TPA 15	Teks penulisan ancaman 15
TPA 16	Teks penulisan ancaman 16
TPA 17	Teks penulisan ancaman 17
TPA 18	Teks penulisan ancaman 18
TPA 19	Teks penulisan ancaman 19
TPA 20	Teks penulisan ancaman 20
TPA 21	Teks penulisan ancaman 21
TPA 22	Teks penulisan ancaman 22
TPA 23	Teks penulisan ancaman 23
TPA 24	Teks penulisan ancaman 24
TPA 25	Teks penulisan ancaman 25
TPA 26	Teks penulisan ancaman 26
TPA 27	Teks penulisan ancaman 27
TPA 28	Teks penulisan ancaman 28
TPA 29	Teks penulisan ancaman 29
TPA 30	Teks penulisan ancaman 30
TP-FN-Sama sblm F Rel	Transformasi Pengguguran Frasa Nama yang Sama Sebelum Frasa Relatif

TP FN slps Obj KK	Transformasi Pengguguran Frasa Nama Selepas Objek Kata Kerja
TP-FP-FA	Transformasi Pengguguran Frasa Predikat-Frasa Akjektif
TP-FP-FK	Transformasi Pengguguran Frasa Predikat-Frasa Kerja
TP-FP-FN	Transformasi Pengguguran Frasa Predikat-Frasa Nama
TP-FP-FS	Transformasi Pengguguran Frasa Predikat-Frasa Sendi Nama
TP-KB-Sama	Transformasi Pengguguran Kata Bantu yang Sama
TP KGND II	Transformasi Pengguguran Kata Ganti Nama Diri Kedua
TP KN (inti FN)	Transformasi Pengguguran Kata Nama (inti Frasa Nama)
TP-Obj-Sama	Transformasi Pengguguran Objek yang Sama
TP <i>oleh</i> + FN	Transformasi Pengguguran <i>oleh</i> + Frasa Nama
TP-S-Sama	Transformasi Pengguguran Subjek yang Sama
Tpl KH	Transformasi Peluasan Kata Hubung
Tpl-FN-S	Transformasi Peluasan Frasa Nama Subjek
Tpl FP	Transformasi Peluasan Frasa Predikat
Tpl Komp	Transformasi Peluasan melalui Komplementasi
Tps-A Songsang	Transformasi Penyusunan Semula melalui Ayat Songsang
Tps-FN-Obj	Transformasi Penyusunan Semula Frasa Nama Objek
Tps-FN-S	Transformasi Penyusunan Semula Frasa Nama Subjek

# SUATU ANALISIS PROFIL LINGUISTIK FORENSIK DALAM TEKS PENULISAN ANCAMAN DI MALAYSIA

## ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mendekati isu hubung kait idiolek dengan gaya penulisan bagi teks penulisan ancaman dari aspek tanda huruf, penghurufan, variasi bahasa, singkatan perkataan, pengaruh ciri tatabahasa daripada bahasa lain dan struktur ayat. Pengkaji linguistik forensik lepas, khususnya Yahya Jasim, Michell, Okawara, Olsson, Eva T.S. Sudjana & Nurul Fitri, Cox dan Munif telah menggunakan pelbagai metodologi kajian dalam kajian mereka. Walau bagaimanapun, subjek kajian yang dianalisis dalam suatu carta profil masih tidak dijumpai dalam metodologi kajian lepas lagi. Oleh itu, pengkaji telah mengimplementasikan pendekatan kajian dari bidang psikolinguistik, iaitu Prosedur Penilaian, Pemulihan dan Pemeriksaan Bahasa (*Language Assessment, Remediation and Screening Procedure (LARSP)*) dalam metodologi kajian ini. Pengkaji telah memodifikasi pendekatan kajian ini supaya sesuai dengan bahasa Melayu dan menggabungkan pendekatan ini dengan Klasifikasi Pilihan Leksikal Alternatif. Hasilnya, Prosedur Analisis Profil Stilistik Bahasa Melayu telah diperkenalkan. Untuk menjalankan analisis kajian ini, pengkaji telah mengumpul 30 buah teks penulisan ancaman berbahasa Melayu tanpa nama daripada 50 buah teks penulisan ancaman secara rawak. 30 buah teks penulisan ancaman ini dianalisis dengan mengimplementasikan Prosedur Analisis Profil Stilistik Bahasa Melayu dan ANOVA sehala. Ekoran itu, hipotesis kajian ini dapat ditolak sekiranya nilai tahap signifikan kurang daripada .05 ( $p < .05$ ). Seterusnya, perbincangan kajian ini akan berkisar tentang 30 orang penulis teks penulisan ancaman dapat dibezakan melalui

penggunaan tanda huruf, penghurufan, variasi bahasa, singkatan perkataan, pengaruh ciri tatabahasa daripada bahasa lain dan struktur ayat. Pada waktu yang sama, pengkaji turut mendapati kata hubung pancangan keterangan “*kalau*” merupakan ‘*textbites*’ bagi teks penulisan ancaman. Konklusinya, pengkaji telah menyimpulkan bahawa 30 orang penulis teks penulisan ancaman berkongsi idiolek yang lebih kurang sama antara satu sama lain. Oleh hal yang demikian, gaya penulisan bagi 30 buah teks penulisan ancaman tidak jauh berbeza. Akhir kata, hasil dapatan kajian ini telah memberi pengetahuan linguistik yang baharu dan saintifik kepada pihak Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia, para penyelidik linguistik forensik dan masyarakat Malaysia.

**A FORENSIC LINGUISTIC PROFILE ANALYSIS IN THE THREAT  
WRITING TEXT IN MALAYSIA**

**ABSTRACT**

The research approaches the issue related to idiolect correlation and writing style of threat writing text from punctuation, capitalization, language variation, abbreviation and the influence of grammatical and sentence structure of other languages. Linguistic researchers – Yahya Jasim, Michell, Okawara, Olsson, Eva T.S. Sudjana & Nurul Fitri, Cox and Munif had in the past applied different methodologies. Despite past researches being done, none of it approach the subject using profile chart. The researcher implemented the psycholinguistic approach – Language Assessment, Remediation and Screening Procedure (LARSP) in the current research methodology by appropriating the approach through application of Malay language and Classification of Alternative Lexical Choices which led to the introduction of Malay Language Stylistic Profile Analysis Procedure. The researcher collected 30 anonymous Malay language threat writing texts from 50 threat writing texts randomly. These collected threat writing texts were processed with the Malay Language Stylistic Profile Analysis Procedure and One-way ANOVA; if the significant value is less than .05 ( $p < .05$ ), the research hypothesis would be rejected. Followed by a discussion on the writing text authors which were distinguished through the usage of punctuation, capitalization, language variation, abbreviation and the influence of grammatical and sentence structure of other languages. The researcher discovered that the conjunction ‘if’ are ‘*textbites*’ in threat writing text. The research concluded that the threat writing authors analysed relatively shared the same idiolect and writing styles. This research had contributed new and scientific

knowledge for Criminal Investigation Department of Royal Malaysia Police, forensic linguistic researchers and Malaysia's society.



# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Suatu bidang pengajian yang terhasil daripada gabungan bidang sastera dan sains amat menarik dan seronok diterokai. Hal ini demikian kerana gabungan dua bidang yang berlainan dapat melihat permasalahan dari perspektif yang berbeza. Pada waktu yang sama, kaedah penyelesaian masalah yang ditawarkan juga lebih holistik.

Sehubungan dengan hal ini, bidang kajian tesis ini juga menggabungkan dua bidang, iaitu linguistik dan forensik yang dikenali sebagai linguistik forensik. Sejumlah penyelidikan linguistik forensik telah dilakukan oleh para pengkaji. Namun demikian, isu hubung kait idiolek dengan gaya pengolahan penulisan bagi teks penulisan ancaman masih memberi kebingungan kepada pengkaji-pengkaji lain selama bertahun-tahun ini. Untuk menangani isu tersebut, pengkaji telah memperkenalkan cara yang komprehensif agar dapat mendekati isu ini secara terperinci lagi.

Secara umum, bidang linguistik forensik mempunyai sejarah selama 54 tahun sejak tahun 1965. Bidang ini mula diperkenalkan oleh Svartvik apabila beliau memberi perhatian terhadap kes kematian Evans pada tahun 1949 (Olsson, 2004, p. 15; 2009, p. 1-2; Olsson & Luchjenbroers, 2014, p. 7). Dalam tempoh perkembangan bidang linguistik forensik selama berpuluh-puluh tahun ini, pelbagai kajian linguistik forensik telah dilaksanakan dengan metodologi kajian yang berbagai-bagai. Misalnya, Trudgill (1983), McMenemy (lihat McMenemy, 1993, p. 3), Olsson (2004, p. 21-22,

51-54 & 2009, p. 12-16, 53, 57-61), Greenlee (2010), Yahya Jasim (2012), Okawara (2012), Eva T.S. Sudjana & Nurul Fitri (2013), Ramalinggam & Anita (2013), Munif (2016), Ramezani, Sani & Soghadam (2016) dan Cox (2017) telah melaksanakan kajian linguistik forensik berasaskan aspek atribusi pengarang, kajian bahasa dalaman nota bunuh diri, kajian semantik forensik dan profil penulis berdasarkan perspektif psikologi, kajian kedualan pengarang, kajian pengidentifikasian pengarang dan kajian laras bahasa serta kebolehterimaan bukti linguistik forensik di Malaysia. Walau bagaimanapun, semua kajian yang disebutkan ini tidak ada satu pun yang menggunakan pendekatan kajian bidang psikolinguistik. Hal ini telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian ini dengan menggunakan pendekatan kajian psikolinguistik, iaitu Prosedur Penilaian, Pemulihan dan Pemeriksaan Bahasa (*Language Assessment, Remediation and Screening Procedure (LARSP)*) (Crystal, Fletcher & Garman, 1976). Pendekatan, iaitu Prosedur Penilaian, Pemulihan dan Pemeriksaan Bahasa (Crystal, Fletcher & Garman, 1976) digunakan dalam kajian ini sebab pendekatan ini merupakan satu carta yang memiliki koleksi kategori yang tersusun untuk menunjukkan pembinaan struktur dalaman bahasa (Crystal, 1992, p. 1). Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah memodifikasi pendekatan tersebut supaya sesuai dengan bahasa Melayu dan menggabungkan pendekatan ini dengan Klasifikasi Pilihan Leksikal Alternatif (Olsson, 2009, p. 58). Klasifikasi Pilihan Leksikal Alternatif (Olsson, 2009, p. 58) disebut sebagai KPLA sahaja selepas ini. Hasil modifikasi pendekatan kajian tersebut memaparkan koleksi kategori yang baharu. Secara tidak langsung, koleksi kategori yang baharu ini merefleksikan variasi stilistik dan ciri-ciri individualistik seseorang penulis (McMenamin, 2002, p. 112) dari sudut gaya pengolahan penulisan bagi teks penulisan ancaman.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Perkembangan bidang linguistik forensik dalam penyelidikan telah berlaku di negara Eropah dan di Amerika Syarikat sejak bertahun-tahun yang lalu. Kini, beberapa buah negara Asia terutamanya Jepun, Indonesia, Iraq dan Iran serta negara Afrika selatan telah mula memberi tumpuan terhadap penyelidikan dalam bidang tersebut. Namun demikian, bidang linguistik forensik di Malaysia masih perlu diberikan perhatian. Hal ini demikian kerana penyelidikan linguistik forensik di Malaysia amat terhad. Sehubungan dengan itu, kajian-kajian linguistik forensik yang dilaksanakan di luar negara tidak memperlihatkan metodologi kajian yang digunakan dapat merangkumi suatu carta profil yang boleh menunjukkan maklumat yang dikaji dengan jelas. Contohnya ialah kajian atribusi pengarang (Yahya Jasim, 2012; Olsson, 2004, p. 51-54; Olsson, 2004, p. 21-22 (lihat McMenamin, 1993, p.3); Michell, 2013, p. 46; Okawara, 2012), kajian bahasa dalaman nota bunuh diri (Olsson, 2009, p. 53), kajian semantik forensik dan profil berdasarkan perspektif psikologi (Eva T.S. Sudjana & Nurul Fitri, 2013), kajian kedualan pengarang (Olsson, 2009, p. 57-61) dan kajian pengidentifikasian pengarang (Cox, 2017, p. 2). Selain itu, kajian linguistik forensik dari aspek laras bahasa yang dijalankan oleh Munif (2016) di Malaysia turut tidak mengaplikasikan sesuatu metodologi kajian yang membabitkan penggunaan carta profil.

Metodologi kajian yang digunakan dalam bidang stilistik kesusasteraan dan stilistik forensik, khususnya atribusi pengarang (*attribution authorship*) juga memperlihatkan masalah yang sama. Hal ini disebabkan metodologi kajian yang diaplikasi dalam kajian-kajian stilistik kesusasteraan tidak menghuraikan sesuatu maklumat sintaksis dalam suatu carta profil dengan teliti. Antara contohnya ialah

kajian stilistik kesusasteraan yang dilaksanakan oleh Umaru Shuaibu, Hamza Adamu Soye & Sharndama Emmanuel Cletus (2013) dan Mukhalad Malik (2017) dari aspek sintaksis. Jika dilihat dari permasalahan bidang stilistik forensik, iaitu atribusi pengarang, para pengkaji bidang ini mengimplementasikan metodologi kajian yang berasaskan saintifik dan statistik algoritma (Wright, 2014, p. 12). Sebagai contoh, antara metodologi yang dimaksudkan ialah *N-gram* (Stamatatos (2003); Markov, Baptista & Pichardo-Lagunas (2017); Johnson & Wright (2014); Wright (2017) dan Anisuzzaman & Salam (2018)), *probabilistic context-free grammar* (PCFG) dan *POS* leksikal (Sundararajan & Woodard (2018)), model *Feedforward Neural Network* (FNN) dan *Logistics Regression* (LR) (Sari, Stevenson & Vlachos (2018)), *Latent Dirichlet allocation-based* (LDA) (Waheed Anwar, Imran Sarwar Bajwa, M. Abbas Choudhary & Shabana Ramzan (2018)) dan analisis *principle component* (Baayen, van Halteren, Neijt & Tweedie (2002)). Walaupun metodologi kajian yang berunsur saintifik dan statistik algoritma (Wright, 2014, p. 12) dapat menganalisis data kajian secara objektif, tetapi data kajian berkenaan masih tidak diperincikan dalam suatu carta profil yang boleh memaparkan semua maklumat yang terlibat. Oleh hal yang demikian, suatu metodologi kajian yang berunsur carta profil harus diguna pakai dalam pelaksanaan kajian ini.

Seterusnya, terdapat tiga pernyataan masalah yang lain yang seiringi dengan pernyataan masalah pertama yang dibincangkan sebelum ini. Menurut Azirah Hashim (2012), bidang linguistik forensik di Malaysia masih tidak berkembang maju dalam bidang perundangan dan kepolisan seperti di Amerika Syarikat, Kanada, Australia, England, Perancis dan German (Olsson, 2004, p. 41-45). Hal ini demikian kerana perjalanan bidang linguistik forensik di Malaysia masih panjang untuk

menyakinkan pihak mahkamah dalam kebolehgantungan dan keabsahan terhadap metodologinya (Azirah Hashim, 2012). Ramalinggam & Anita (2013) telah mencadangkan bahawa ujian Daubert mungkin boleh membantu dalam penentuan kebolehgantungan bukti sebagai panduan hakim perbicaraan. Cadangan ini diperoleh daripada pakar linguistik forensik. Oleh itu, isu ini telah mendorong pengkaji untuk menghasilkan suatu metodologi baharu yang dapat memberi kebaikan kepada bidang linguistik forensik di Malaysia.

Di samping itu, wujud permasalahan yang terdapat dalam bidang stilistik. Bidang stilistik sering kali dikaitkan dengan bidang kesusasteraan yang membincangkan gaya dan teknik karya sastera (Umar Junus, 1989, p. x & xi). Menurut Olsson & Luchjenbroers (2014, p. 27), bidang stilistik telah mendapat perhatian sarjana sejak era klasikal. Ketika itu, bidang ini banyak digunakan sebagai alat kritikan dan cara atribut teks. Pada abad pertama, seorang ahli falsafah Yunani, iaitu Plutarch telah menghasilkan penulisannya dengan membincangkan gaya secara meluas dan menghubungkan gaya dengan sifat (*virtue*). Perbincangan berkaitan dengan gaya turut dilakukan oleh beberapa orang sarjana seperti Jerome, Dante dan Johnson. Walau bagaimanapun, hanya perbincangan Johnson yang menyentuh isu gaya yang berperanan sebagai alat untuk mengenal pasti penulis. Pada masa yang sama, Johnson juga ialah orang pertama yang mencadangkan bahawa gaya mempunyai kebiasaan. Hal ini demikian kerana seseorang pengarang akan mempamerkan pengulangan mod yang tertentu. Secara tidak langsung, pengkaji telah menghubungkan pengulangan mod tersebut dengan idiolek. Hal ini disebabkan Olsson (2004, p. 34) berpendapat bahawa kebiasaan dalam penggunaan bahasa individu adalah istimewa kepada individu berkenaan. Oleh itu, kebiasaan tersebut

merujuk pada idiolek. Idiolek dihasilkan oleh seseorang penulis tunggal yang akan melahirkan penanda gaya (*style markers*) atau karakteristik (*characteristic*) individu (McMenamin, 2002, p. 115 & 121). Kehadiran idiolek ini menghasilkan ciri individualistik yang tersendiri khususnya jika ciri-ciri linguistik digunakan dengan konsisten dan frekuensi yang tinggi (McMenamin, 2002, p. 53; Olsson, 2009, p. 57; Wright, 2014, p. 41).

Selain itu, permasalahan juga boleh dilihat dari sudut penggunaan bahasa dalam masyarakat majmuk Malaysia, terutamanya dalam kes percampuran dan pengalihan kod. Masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan pelbagai etnik kaya dengan berbagai-bagai bahasa dan dialek. Kewujudan pelbagai bahasa dan dialek ini akan melahirkan penutur dwibahasa atau multibahasa (Asmah, 1982, p. 119; Nor Hashimah & Adriana Santa, 2016). Oleh hal yang demikian, percampuran dan pengalihan kod akan berlaku dalam pertuturan atau penulisan harian (Nor Hashimah & Adriana Santa, 2016). Menurut Asmah (1982, p. xiii & 124), walaupun rakyat Malaysia dapat bertutur dalam bahasa Melayu tetapi gaya pengolahan ayat dalam bentuk lisan atau bukan lisan masih menerima pengaruh daripada bahasa ibunda atau dialek Melayu sendiri secara ketara atau tidak ketara ketika waktu penyampaian sesuatu maklumat. Ekoran itu, variasi bahasa turut tidak boleh dipinggirkan dalam analisis kajian ini. Hal ini adalah disebabkan variasi bahasa merupakan subsistem bahasa yang digunakan oleh kumpulan yang berbeza tetapi menuturkan bahasa yang sama (Noriah, 2019, p. 12; 2015, p. 1). Bentuk bahasa yang dihasilkan dan cara penggunaan bahasa individu bersifat tersendiri (Noriah, 2019, p. 13). Jadi, elemen linguistik lain khususnya percampuran kod, pengalihan kod dan variasi bahasa wajar diambil kira semasa pelaksanaan kajian ini. Hal ini demikian kerana percampuran

kod, pengalihan kod dan variasi bahasa mampu memaparkan gaya pengolahan penulisan seseorang penulis teks penulisan ancaman.

Pendek kata, kewujudan empat pernyataan masalah tersebut telah menjadi pangkal kajian ini. Empat pernyataan masalah ini dapat ditangani dengan menggunakan tiga perspektif yang berbeza daripada tiga bidang pengajian yang berbeza. Bidang yang dimaksudkan ialah bidang linguistik forensik, stilistik dan sosiolinguistik.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini dilaksanakan untuk:

- 1) menganalisis tanda huruf (McMenamin, 2002, p. 122 & 220-223; Olsson, 2004, p. 52; Olsson, 2009, p. 58) dengan mengaplikasikan KPLA (Olsson, 2009, p. 58) dan pengubahsuaian Prosedur Penilaian, Pemulihan dan Pemeriksaan Bahasa (Crystal, Fletcher & Garman, 1976)
- 2) menganalisis penghurufan (McMenamin, 2002, p. 224; Olsson, 2004, p. 52) dengan mengaplikasikan KPLA (Olsson, 2009, p. 58) dan pengubahsuaian Prosedur Penilaian, Pemulihan dan Pemeriksaan Bahasa (Crystal, Fletcher & Garman, 1976)
- 3) menganalisis variasi bahasa (Noriah, 2015, p. 3) dengan mengaplikasikan KPLA (Olsson, 2009, p. 58) dan pengubahsuaian Prosedur Penilaian, Pemulihan dan Pemeriksaan Bahasa (Crystal, Fletcher & Garman, 1976)
- 4) menganalisis singkatan perkataan (McMenamin, 2002, p. 219-220; Olsson, 2009, p. 12 & 58) dengan mengaplikasikan KPLA (Olsson, 2009, p. 58) dan

pengubahsuaian Prosedur Penilaian, Pemulihan dan Pemeriksaan Bahasa (Crystal, Fletcher & Garman, 1976)

- 5) menganalisis pengaruh ciri tatabahasa daripada bahasa lain (diubah suai daripada McMEnamin, 2002, p. 122) dengan mengaplikasikan KPLA (Olsson, 2009, p. 58) dan pengubahsuaian Prosedur Penilaian, Pemulihan dan Pemeriksaan Bahasa (Crystal, Fletcher & Garman, 1976)
- 6) menganalisis struktur ayat (diubah suai daripada McMEnamin, 2002, p. 122 & 226-228) dengan mengaplikasikan pengubahsuaian Prosedur Penilaian, Pemulihan dan Pemeriksaan Bahasa (Crystal, Fletcher & Garman, 1976)

#### **1.4 Hipotesis Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat enam hipotesis seperti yang berikut:

- 1) Tiada kesan kelompok ke atas penggunaan tanda huruf (McMenamin, 2002, p. 122 & 220-223; Olsson, 2004, p. 52; Olsson, 2009, p. 58) dalam teks penulisan ancaman.
- 2) Tiada kesan kelompok ke atas penggunaan penghurufan (McMenamin, 2002, p. 224; Olsson, 2004, p. 52) dalam teks penulisan ancaman.
- 3) Tiada kesan kelompok ke atas penggunaan variasi bahasa (Noriah, 2015, p. 3) dalam teks penulisan ancaman.
- 4) Tiada kesan kelompok ke atas penggunaan singkatan perkataan (McMenamin, 2002, p. 219-220; Olsson, 2009, p. 12 & 58) dalam teks penulisan ancaman.
- 5) Tiada kesan kelompok ke atas penggunaan pengaruh ciri tatabahasa daripada bahasa lain (diubah suai daripada McMEnamin, 2002, p. 122) dalam teks penulisan ancaman.



- 6) Tiada kesan kelompok ke atas penggunaan struktur ayat (diubah suai daripada McMEnamin, 2002, p. 122 & 226-228) dalam teks penulisan ancaman.

### **1.5 Batasan Kajian**

Skop kajian ini dibataskan untuk menganalisis tanda huruf, penghurufan, variasi bahasa, singkatan perkataan, pengaruh ciri tatabahasa daripada bahasa lain dan struktur ayat dalam teks penulisan ancaman berbahasa Melayu tanpa nama (*anonymous*) sahaja. Pada waktu yang sama, KPLA (Olsson, 2009, p. 58) dan pengubahsuaian Prosedur Penilaian, Pemulihan dan Pemeriksaan Bahasa (Crystal, Fletcher dan Garman, 1976) turut diimplementasikan dalam kajian ini.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Olsson (2004, p. 5) mengutarakan bahawa linguistik forensik mampu berperanan sebagai payung sains bagi banyak bidang pengajian (*an umbrella science for many fields of study*). Hal ini disebabkan bidang ini dapat bergabung dengan bidang lain, seperti analisis perbualan, rencana (*dictation*), fonetik auditori, fonetik akustik, semantik, wacana dan pragmatik, stilistik dan persoalan pengarang (*questioned authorship*), bahasa undang-undang dan interpretasi dan terjemahan (McMenamin, 2002, p. 69-80). Penyelidikan yang berasaskan gabungan bidang linguistik forensik dengan bidang pengajian lain dipercayai dapat menghasilkan dapatan kajian yang lebih mantap dan menyeluruh.

Selain itu, kepentingan kajian juga boleh diteliti dari aspek gaya dan idiolek. Ramalinggam & Anita (2013) menyatakan bahawa nota tebusan, mesej ancaman, surat pemerasan dan komunikasi jenayah dalam bentuk bertaip, bertulis, elektronik

ataupun verbal dapat mencungkil minda penulis dokumen. Hal ini demikian kerana gaya, nada atau elemen linguistik lain dapat berfungsi sebagai alat profil jenayah dari aspek linguistik forensik. Penjelasan yang berkaitan dengan istilah gaya oleh McMEnamin juga menyokong fakta yang diberikan oleh Ramalinggam & Anita (2013) ini. McMEnamin (2002, p. 109) menerangkan bahawa gaya ialah elemen pemboleh ubah tingkah laku manusia. Proses pembentukan gaya dan hasil tindak-tanduknya adalah lebih kurang sama bagi semua individu. Namun demikian, cara seseorang individu melalui proses tersebut dan mencapai hasilnya tidak sama antara satu sama lain. Gaya dilihat sebagai pilihan peribadi yang dibuat daripada kesedaran yang berterusan. Ketidaksedaran akan berlaku ketika gaya seseorang individu diulangi secara berulang kali sehingga menjadi pembentukan diri sendirinya. Dengan kata lain, gaya dan elemen linguistik lain dalam sesuatu teks penulisan boleh diperlihatkan melalui idiolek seseorang individu. Idiolek akan dihasilkan ketika ketidaksedaran individu, gabungan pengetahuan linguistik yang unik, perhubungan kognitif dan pengaruh ekstra-linguistik seseorang individu (McMenamin, 2002, p. 53). Coulthard & Johnson (2007, p. 161) telah mengulas bahawa setiap penutur natif mempunyai pertuturan dan penulisan yang berbeza dan bersifat individu dalam bahasa yang dikuasainya. Fenomena ini berkait dengan pemerolehan kosa kata penutur yang sangat banyak dan aktif setelah lama dibina. Kosa kata yang dibina berbeza antara satu sama lain.

Dari aspek kepentingan subcabang sociolinguistik (percampuran dan pengalihan kod) pula, terdapat beberapa hujahan penting yang diulas oleh tokoh-tokoh linguistik. Asmah (1982, p. 119), Nor Hashimah & Adriana Santa (2016) menerangkan bahawa kebanyakan rakyat Malaysia yang mampu untuk menguasai

sekurang-kurangnya dua bahasa atau lebih (dwibahasa atau multibahasa) berpotensi untuk melakukan percampuran kod dalam penulisan atau percakapan. Walaupun penulis atau penutur menggunakan imbuhan, kata, frasa dan klausa daripada dua sistem tatabahasa yang berlainan dalam satu ayat dan memerlukan dua peraturan bahasa diintegrasikan dalam satu ayat (Siti Rahimah, Raja Masittah dan Normahdiah, 2014), tetapi rumus sintaksis bahasa Melayu masih tidak langgar secara keseluruhannya dalam konteks penggunaan bahasa Melayu (Nor Hashimah dan Adriana Santa, 2016). Oleh itu, pengaruh ciri tatabahasa daripada bahasa lain (diubah suai daripada McMenamin, 2002, p. 122) yang berfungsi sebagai salah satu ciri penanda gaya dapat dihubungkan dengan fenomena percampuran dan pengalihan kod yang berlaku di Malaysia. Penelitian dan penilaian bentuk kandungan sesuatu teks penulisan ancaman (Siti Rahimah, Raja Masittah dan Normahdiah, 2014) boleh dilakukan untuk mengenal pasti penanda gaya seseorang penulis. Pada masa yang sama, variasi bahasa juga dapat memperlihatkan penanda gaya yang diimplementasikan oleh seseorang penulis teks penulisan ancaman. Hal ini demikian kerana gaya pengolahan penulisan dapat ditonjolkan ketika sesuatu variasi bahasa (dialek geografi dan dialek sosial) yang tertentu digunakan secara konsistensi. Sebagai contoh, sekiranya penulis teks penulisan ancaman menggunakan dialek Melayu Kedah (dialek geografi), maka pengkaji dapat mengenal pasti penulis teks penulisan ancaman berkenaan berkemungkinan besar ialah pemaustatin negeri Kedah. Dialek sosial, slanga, jargon, argot dan sebagainya (Noriah, 2019, p. 15) juga akan diambil kira dalam analisis kajian. Walau bagaimanapun, semua variasi bahasa ini dianalisis berdasarkan kategori yang ditemui dalam kajian ini sahaja.

Secara ringkas, bab ini menghuraikan beberapa kepentingan kajian dari tiga sudut pandangan yang berbeza, iaitu linguistik forensik, gaya dan idiolek (stilistik), percampuran kod, pengalihan kod dan variasi bahasa (sosiolinguistik). Walaupun penelitian mendapati bahawa kepentingan kajian tidak sama antara ketiga-tiga sudut pandangan tersebut tetapi setiap kepentingan kajian yang disebutkan saling berkait antara satu sama lain dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana ketiga-tiga kepentingan kajian itu mampu memberikan hasil analisis kajian yang dapat membekalkan pengetahuan linguistik yang baharu dan saintifik kepada pihak Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia dari aspek siasatan jenayah yang berkaitan dengan linguistik. Hal ini berhubung dengan metodologi kajian ini yang bukan sahaja dapat menunjukkan dan memperincikan gaya pengolahan penulisan bagi sesebuah teks penulisan ancaman dari aspek penggunaan elemen linguistik lain dan struktur ayat dengan jelas dalam satu carta profil malah tahap signifikan sesuatu elemen penanda gaya turut boleh diuji melalui ANOVA sehalu. Berlandaskan metodologi kajian yang diperkenalkan ini, pihak Jabatan Siasatan Jenayah Polis Diraja Malaysia (PDRM) dapat mengenal pasti seseorang suspek yang menghasilkan teks penulisan ancaman dengan tepat dan tanpa ragu-ragu. Masyarakat Malaysia turut didedahkan kepada gaya pengolahan penulisan bagi teks penulisan ancaman yang berbeza dengan gaya pengolahan penulisan teks biasa. Pada waktu yang sama, penyelidik linguistik forensik lain juga dapat menerima ilmu linguistik forensik yang baharu berkaitan dengan metodologi kajian yang diperkenalkan ini.

## **1.7 Definisi Konsep**

Bahagian ini menghuraikan beberapa konsep yang digunakan dalam kajian ini.

### **1.7.1 Profil Linguistik**

Menurut Crystal (1992, p. 1), profil linguistik merupakan huraian berprinsip mengenai ciri-ciri penggunaan bahasa individu atau kumpulan yang membolehkan ciri-ciri berkenaan dikenal pasti untuk tujuan tertentu. Profil boleh dibina untuk mana-mana bidang pengajian linguistik seperti pengajian gaya sastera, siasatan pertikaian pengarang (*disputed authorship*), analisis pencapaian bahasa asing, pembelajaran bahasa ibunda dan sebagainya. Dari sudut pandangan deskriptif, profil dikenali sebagai carta yang mengandungi koleksi kategori yang tersusun untuk menunjukkan pembinaan struktur dalam bahasa, seperti kepelbagaian bunyi, bentuk tatabahasa dan leksikal.

### **1.7.2 Linguistik Forensik**

Menurut McMenamin (2002, p. 41 & 67), Olsson & Luchjenbroers (2014, p. 1), Olsson (2004, p. 3) dan Abdul Hamid & Nurfarah (2007, p. 9), linguistik forensik ialah pengajian bahasa yang diaplikasikan secara saintifik untuk tujuan forensik dan konteks yang menghubungkan undang-undang. Bidang linguistik forensik ini memanfaatkan teori, deskripsi, kaedah dan hasil kajian linguistik untuk menyelesaikan masalah forensik. Huraian makna mengenai linguistik forensik yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh berwibawa sebelum ini telah diringkaskan oleh dua orang penyelidik dari Indonesia, iaitu Eva T. S. Sudjana & Nurul Fitri (2013). Kedua-dua penyelidik ini mengatakan bahawa linguistik forensik merupakan cabang kajian linguistik yang menyiasat teks undang-undang dalam jenayah. Menurut McMenamin (2002, p. 69-80) lagi, beliau menghujahkan bahawa linguistik forensik dapat diklasifikasikan kepada fonetik auditori, fonetik akustik, semantik, wacana dan

pragmatik, stilistik dan persoalan pengarang (*questioned authorship*), bahasa undang-undang, bahasa mahkamah, dan interpretasi dan terjemahan.

### **1.7.3 Teks Penulisan Ancaman**

Teks penulisan ancaman ialah teks yang dihasilkan tanpa nama dan berunsur jahat terhadap pihak penerima. Satu bentuk keganasan dilakukan oleh suatu pihak yang tidak kelihatan terhadap penerima teks penulisan ancaman. Teks penulisan ancaman merangkumi nota penebusan (*ransom note*), teks permintaan wang tebusan (*ransom demand*) dan teks peras ugut (*blackmail*) (Olsson, 2004, p. 155 & 159; Block, 2001). Olsson (2004, p. 159) turut menekankan bahawa apa-apa bentuk teks penulisan ancaman mengandungi unsur bahaya terhadap pihak penerima.

## **1.8 Kesimpulan**

Bab ini telah menerangkan pendahuluan, pernyataan masalah, objektif kajian, hipotesis kajian, batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi konsep. Tinjauan literatur dibincangkan dalam bab yang seterusnya.

## **BAB 2**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Menurut Ridley (2012, p. 3), rujukan yang ekstensif dalam tinjauan literatur bertujuan untuk menghubungkan kajian dengan kajian dan pendekatan kajian yang ingin dilaksanakan. Tinjauan literatur dapat membantu pengkaji memilih tajuk kajian berdasarkan kajian lepas. Pada masa yang sama, pengkaji juga dapat mengidentifikasi teori atau pendekatan kajian dan metodologi yang akan digunakan. Dalam proses tinjauan literatur, sesuatu isu yang timbul akan mendorong seseorang pengkaji melahirkan jurang penyelidikan (*research gap*). Jadi, tinjauan literatur amat penting dilakukan sebelum pengkaji memulakan sesuatu kajian.

#### **2.2 Tinjauan Literatur**

Bab ini meninjau latar belakang linguistik forensik yang menjurus pada perkembangan kajian linguistik forensik pada kemudian hari. Berbagai-bagai kajian linguistik forensik yang merangkumi skop kajian atribusi pengarang (Yahya Jasim, 2012; Olsson, 2004, p. 51-54; Olsson, 2004, p. 21-22 (lihat McMenamin, 1993, p.3); Michell, 2013, p. 46; Okawara, 2012), bahasa dalaman nota bunuh diri (Olsson, 2009, p. 53), semantik forensik dan profil berdasarkan perspektif psikologi (Eva T.S. Sudjana & Nurul Fitri, 2013), kedualan pengarang (Olsson, 2009, p. 57-61), pengidentifikasian pengarang (Cox, 2017, p. 2) dan laras bahasa (Munif, 2016) telah ditinjau. Selain itu, tinjauan juga dilakukan terhadap kajian lampau stilistik dan sosiolinguistik (percampuran kod, pengalihan kod dan variasi bahasa) yang berpotensi dalam bidang linguistik forensik.

### **2.2.1 Latar Belakang Linguistik Forensik**

Menurut Olsson (2004, p. 15; 2009, p. 1-2) dan Olsson & Luchjenbroers (2014, p. 7), bidang linguistik forensik mula diperkenalkan oleh seorang pensyarah Sweden yang bernama Jan Svartvik apabila beliau menggunakan istilah '*forensic linguistics*' dalam laporannya. Pada tahun 1949, satu kes bunuh yang melibatkan kematian seorang wanita dan anak perempuannya telah berlaku di 10 Rillington Place, barat London. Pembunuhan ini dipercayai dilakukan oleh suaminya yang bernama Timothy John Evans. Hakikatnya, jiran Evans, iaitu John Christie yang membunuh isteri dan anak perempuannya. Walau bagaimanapun, Evans telah menyerah diri kepada pihak polis di balai polis selatan Wales pada bulan November 1949. Evans berbuat demikian disebabkan dia mengakui kesalahannya membunuh isteri dan anak perempuannya. Penyerahan diri Evans ini dilakukan setelah dia tinggal bersama dengan pak ciknya di Merthyr Tydfil dalam tempoh yang singkat. Pada tahun berikutnya, iaitu tahun 1950, Evans telah menggantung diri kerana menyesali perbuatannya. Kejadian mnggantung diri Evans ini berkait dengan sebahagian kenyataannya kepada pihak polis dan bukti yang dikemukakan oleh John Christie. Selepas 15 tahun kematian Evans, Svartvik telah memberi perhatian terhadap kes kematian ini. Beliau menganalisis kenyataan yang diberikan oleh Evans dan pihak polis di Merthyr Tydfil dan Notting Hill. Hasilnya, beliau menyimpulkan bahawa terdapat dua jenis laras bahasa yang berbeza dalam kenyataan Evans. Kebanyakan laras bahasa yang digunakan dalam kenyataan Evans merupakan laras bahasa polis. Secara tidak langsung, keadaan ini menunjukkan bahawa Evans telah dituduh membunuh isteri dan anak perempuannya. Hal ini demikian kerana individu biasa tidak akan mengetahui laras bahasa polis apatah lagi menggunakannya.



### **2.2.1(a) Linguistik Forensik**

Dalam tinjauan literatur bagi kajian linguistik forensik, kajian lepas bidang ini dari beberapa aspek. Walaupun setiap aspek yang ditinjau ini berbeza antara satu sama lain, namun tinjauan-tinjauan ini penting dalam pelaksanaan kajian ini. Hal ini demikian kerana kajian lepas bidang linguistik forensik tidak menggunakan suatu teori atau pendekatan yang tetap untuk menganalisis sesuatu senario yang berlaku seperti penyelidikan linguistik tulen. Dengan kata lain, pengaplikasian teori atau pendekatan dalam kajian linguistik forensik adalah fleksibel. Kenyataan ini telah diperkukuh oleh Olsson (2004, p. 5) yang menerangkan bahawa linguistik forensik mampu berperanan sebagai payung sains bagi banyak bidang pengajian (*an umbrella science for many fields of study*). Hal ini bermakna para pengkaji dapat menyesuaikan teori atau pendekatan pengajian lain dengan penggunaan kaedah saintifik untuk melakukan analisis kajian linguistik forensik. Sehubungan dengan hal itu, beberapa aspek kajian linguistik forensik yang telah ditinjau, iaitu (1) nota bunuh diri, (2) penanda gaya penulis, (3) laras bahasa dan (4) bukti linguistik forensik dan keabsahannya di Malaysia akan dibincangkan dalam subbahagian yang seterusnya.

#### **2.2.1(a)(i) Nota Bunuh Diri**

Olsson (2009, p. 53-54) menyatakan bahawa nota bunuh diri mengandungi bahasa dalaman (*'insider' language*) yang benar-benar merefleksikan bunuh diri. Di sebaliknya, bahasa dalaman berkenaan tidak digunakan dalam nota bunuh diri yang palsu. Kajian semantik forensik dan profil penulis berdasarkan perspektif psikologi yang dilaksanakan oleh Eva T.S. Sudjana & Nurul Fitri (2013) telah menyokong fakta Olsson (2009, p. 54) tersebut. Hal ini disebabkan kedua-dua pengkaji ini mendapati bahawa teks bunuh diri Kurt Cobain mengandungi banyak perkataan yang

negatif dan mendorong beliau membunuh diri disebabkan murung. Yahya Jasim (2012) pula melakukan kajian atribusi pengarang terhadap nota bunuh diri dengan mengimplementasikan teknik analisis atribusi pengarang. Teknik analisis ini dilakukan dengan membuat perbandingan ciri mikrolinguistik dan makrolinguistik terhadap bentuk dan isi kandungan nota bunuh diri dengan teks tulisan asal si mati.

### **2.2.1(a)(ii) Penanda Gaya Penulis**

Menurut Yahya Jasim (2012):

“Setiap penulis atau penutur mempunyai pilihan idiosinkratik yang tersendiri terhadap leksikal tertentu, pergabungan perkataan, struktur tatabahasa, alat kohesi dan penyusunan idea.”

Berdasarkan fakta yang dikemukakan oleh Yahya Jasim (2012), beberapa kajian yang mempunyai hubung kait dengan kenyataan ini akan dibincangkan. Levi (1993) telah mengkaji kekompleksan sintaksis surat plaintif dengan menganalisis ciri-ciri sintaksisnya (Coulthard & Johnson, 2007, p. 123). Dalam kes kajian Levi ini, beliau mengatakan bahawa surat yang diterima oleh plaintif mengandungi ciri-ciri sintaksis yang amat mengganggu pembaca. Hal ini disebabkan ciri-ciri sintaksis yang digunakan lebih kepada kekompleksan pemancangan, nominalisasi, pengandaan penafian, kata kerja pasif tanpa subjek dan kesukaran dalam gabungan kata hubung. Oleh hal yang demikian, pengkaji menjustifikasikan bahawa struktur tatabahasa yang digunakan oleh pihak wakil defendan lemah dari segi pilihan idiosinkratik.

Selain itu, kajian Olsson (2009), Olsson (2004) (lihat McMenamin, 1993), Michell (2013) dan Cox (2017) turut memperlihatkan pilihan idiosinkratik yang diaplikasikan oleh penulis teks penulisan. Olsson (2009, p. 12-16, 57-61) telah

menganalisis teks telefon bimbit dalam kes kajian pembunuhan Peter Solheim dan Jenny Nicholl dengan menggunakan Klasifikasi Pilihan Leksikal Alternatif (*Classification of Alternative Lexical Choices*). Pengaplikasian klasifikasi ini bertujuan untuk menunjukkan gaya teks telefon bimbit yang bersifat tersendiri dan menguji kedualan pengarang dalam konteks forensik. Dalam kes kajian '*Dog Club Treasurer*' oleh Olsson (2004, p. 51-54), beliau telah meneliti dan menganalisis beberapa penanda pengarang yang berpotensi digunakan dalam surat tanpa nama, iaitu tatabahasa, ortografi dan metafora, tanda huruf, penghurufan dan pengurusan susun atur teks. Proses penelitian dan analisis dijalankan untuk memperlihatkan gaya tersendiri penulis surat tanpa nama dalam kes '*Dog Club Treasurer*'.

Di samping itu, McMenamin telah menggunakan format penyusunan muka surat, tanda huruf dan kesalahan ejaan untuk mengesan gaya tunggal individu dan set pengidentifikasian ciri-ciri bahasa (lihat McMenamin, 1993, p. 3) dalam kes atribusi pengarang '*Mrs Brown*' (Olsson, 2004, p. 21). Dalam metodologi McMenamin ini, beliau telah membuat penyelidikan terhadap bahan kes dan atribusi awal. Kemudian, beliau mencari bukti yang berpihak kepada hasil pencarian awal berdasarkan atribusi. Hal ini dilaksanakan untuk mengenal pasti bahawa beliau memang mencari bukti yang diperlukan. Olsson (2004, p. 22) turut menyokong metodologi kajian atribusi pengarang McMenamin ini. Hal ini demikian kerana kategori-kategori yang disebutkan di atas ini dapat membezakan penulis teks yang lain dengan mudah dan tidak kabur jika penggunaan metodologi kajian ini digunakan. Walau bagaimanapun, metodologi McMenamin ini masih tidak diterima oleh sesetengah pihak mahkamah kerana ketiadaan unsur saintifik.

Seterusnya, suatu kajian forensik yang berasaskan teknik stilistik dan stilometrik telah dilakukan oleh Michell (2013, p. ii). Kajian ini dijalankan untuk (1) mengesan mana-mana penanda gaya yang paling efektif dalam pengenalpastian penulis teks pertikaian dan (2) menerokai mana-mana kepanjangan teks yang mampu mengenal pasti penulis teks pertikaian secara berkesan. Dalam kajian yang dilaksanakan oleh Michell (2013, p. 46), beliau juga menyentuh isu penanda gaya dengan menerangkan penanda gaya boleh dikategorikan kepada ‘*character-based*’, ‘*word-based*’, ‘*sentence-based*’, ‘*document-based*’, struktural dan sintaksis berdasarkan senarai penanda gaya McMEnamin (2002, p. 216-231). Penanda gaya yang terdapat dalam senarai berkenaan diperoleh daripada 80 kes lalu yang dijalankan oleh McMEnamin. Pada masa yang sama, Michell (2013, p. 46) mengemukakan contoh penanda gaya yang telah disebut oleh McMEnamin dalam senarai penanda gayanya, iaitu penggunaan kata tugas seperti adverba, partikel, kata hubung, preposisi dan kata ganti nama, kolokasi, kepanjangan ayat dan tanda huruf. Namun demikian, Michell (2013, p. 45) telah menekankan bahawa beliau hanya menyelidik beberapa penanda gaya yang penting, yakni idiosinkrasis tanda huruf, tipografi, ejaan, lexis dan ciri-ciri DMC dari sudut pandangan gaya. Penyelidikan kata kunci, kata tugas, perkataan yang paling kerap digunakan dan frekuensi tanda huruf secara menyeluruh pula dikaji berlandaskan sudut pandangan stilometrik.

Cox (2017, p. 2) telah melaksanakan suatu kajian yang berhubung dengan identifikasi pengarang secara forensik dalam satu blog sukan, iaitu blog hoki ais yang bernama ‘*Winging It in Motown*’. Blog sukan tersebut mempunyai banyak pengarang berdasarkan situasi dan linguistik. Penggunaan parameter yang pelbagai telah diimplementasikan oleh Cox dalam analisis kajian beliau, iaitu ‘*average lengths*’,

*'type-token ratio', 'lexical density', 'readability - readability test tool', 'readability – online utility', 'parts of speech', 'modals', 'function word profile comparison, direct correlation of function word ranking', 'word length count total comparison, frequency', 'word length profile total comparison, direct correlation of ranking', 'punctuation profile comparison', 'verb forms', 'syllable count comparison', 'grammatical errors', 'spelling errors', 'syntactically classified punctuation', 'grapheme profil comparison', 'character n-gram comparison, direct correlation of position' dan 'character bigram and trigram comparisons, top 10, 20, and 50 in common'* (Cox, 2017, p. 131-138). Namun begitu, hanya dua parameter sahaja yang berjaya mencapai tahap ketepatan dalam proses membezakan dua atau tiga orang pengarang dokumen ujian, yakni *'lexical density'* dan *'Online Utility's readability utility'* (Cox, 2017, p. 141).

### **2.2.1(a)(iii) Laras Bahasa**

Di Jepun, Okawara (2012) telah menjalankan suatu kajian forensik perbandingan yang membandingkan tulisan pegawai siasatan dengan saksi yang terlibat dalam satu kes pembunuhan. Beliau mengetengahkan bahawa golongan kata yang digunakan dalam bahasa Jepun profesional berbeza dengan bahasa biasa. Misalnya, penggunaan kata ganti nama tunjuk (*sono*), preposisi (*ni taishite*) dan (*tame*) dan kala progresif pihak polis dan pendakwa raya. Pelaksanaan kajian ini sama dengan kajian linguistik forensik yang pertama yang dilakukan oleh bapa linguistik forensik, iaitu Svartvik. Prof. Svartvik telah membandingkan laras bahasa yang digunakan oleh pihak polis dengan mangsa bunuh diri (Timothy John Evans) pada era 1960-an.

Pada tahun 2016, suatu kajian linguistik forensik sebegini turut dilakukan oleh Munif (2016). Kajian ini dilaksanakan untuk mengidentifikasi ciri teks agama Islam. Menurut Munif (2016), ciri-ciri teks agama Islam digunakan sebagai pengesanan bukti ajaran terpesong agama Islam dan penginterpretasian maksud yang diberikan oleh kumpulan pemimpin Islam yang terpesong. Dalam kajian Munif (2016) ini, pendekatan yang digunakan dapat memperlihatkan laras bahasa yang digunakan oleh kumpulan pemimpin Islam yang terpesong. Sebagai contoh, laras bahasa agama yang diaplikasikan dalam ajaran Azhar bin Wahab di Kedah kerap memberi perhatian terhadap isu akidah, syariah dan akhlak. Berbanding dengan laras bahasa agama Islam di Kedah, laras bahasa agama Islam di Pahang pula lebih mempercayai akidah, terutamanya Tuhan dan hal ini berbeza dengan *Ahlus Sunnah WalJama'ah*.

#### **2.2.1(a)(iv) Bukti Linguistik Forensik dan Keabsahannya di Malaysia**

Dengan mengimbas kembali kajian lepas, bidang linguistik forensik telah berkembang maju di Eropah dan Amerika Syarikat. Beberapa buah negara Asia, seperti Jepun, Indonesia, Iraq dan Iran pun telah mula memberi perhatian terhadap bidang ini. Pada masa yang sama, penyelidik dari Afrika, khususnya Afrika selatan juga melakukan penyelidikan linguistik forensik. Walaupun bidang linguistik forensik telah mengalami proses perkembangan di negara-negara yang dibincangkan, namun di Malaysia, tetapi bidang ini masih memerlukan penggubalan undang-undang yang berkaitan dengan kebolehterimaan bukti linguistik forensik oleh pihak mahkamah. Oleh hal yang demikian, Ramalinggam & Anita (2013) telah mengemukakan cadangan yang diberikan oleh mahkamah tinggi Amerika Syarikat, iaitu *Daubert v. Merrell Dow Pharmaceuticals, Inc. 509 U.S. 579 (1993)*. Menurut

Ramalingam & Anita (2013), terdapat empat faktor bukan eksklusif dalam *Daubert v. Merrell Dow Pharmaceuticals, Inc.* 509 U.S. 579 (1993) yang boleh dipertimbangkan sebagai panduan standard bagi mahkamah Malaysia untuk mengakses kebolehpercayaan bukti saintifik. Empat faktor bukan eksklusif berkenaan adalah seperti yang berikut:

- 
1. *Whether the theory or methodology can be, and has been, tested;*
  2. *Whether the theory or methodology has been subjected to peer review or publication;*
  3. *What is the known or potential rate of error for a particular scientific technique; and*
  4. *Whether the theory or technique has been generally accepted in the relevant scientific community.*
- 

Oleh sebab kebanyakan jenayah yang dilakukan adalah berbentuk bahasa tanpa melibatkan sebarang kelakuan fizikal seperti kes ancaman. Oleh itu, bidang undang-undang harus mengetahui fungsi cara bahasa dalam penelitian bukti undang-undang sekiranya bukti tersebut berbentuk bahasa.

### **2.2.2 Stilistik**

Bagi tinjauan kajian stilistik, kajian stilistik kesusasteraan (*literary stylistics*) akan dibincangkan terlebih dahulu. Hal ini disebabkan kajian stilistik kesusasteraan memberi perhatian yang lebih terhadap aspek sintaksis. Misalnya, Umaru Shuaibu, Hamza Adamu Soye & Sharndama Emmanuel Cletus (2013) telah mengaplikasikan pendekatan semakan linguistik Leech & Short's (1985) dan analisis tahap linguistik Crystal & Davy's (1969) dalam analisis penggunaan ciri sintaksis dan alat kohesi bahasa Inggeris yang digunakan oleh penulis ruang dalam surat khabar Nigeria. Mukhalad Malik (2017) pula melaksanakan kajian stilistik terhadap penggunaan ayat kompleks dalam karya sastera yang bertajuk *The Black Cat* hasil karya Edgar Alan Poe. Bahagian selanjutnya meninjau kajian stilistik dari aspek stilistik forensik.

Menurut Ramezani, Sani & Moghadam (2016):

“Stilistik berperan sebagai subbidang linguistik yang boleh mengaplikasikan mekanisme saintifik dalam pendekatan baharu linguistik terapan, iaitu linguistik forensik.”

Menurut Norhaslinda (2016), bidang stilistik telah berkembang sejak empat dekad yang lalu. Dalam tempoh empat dekad ini, pelbagai pendekatan stilistik telah diperkenalkan seiring dengan perkembangan teori linguistik. Fenomena ini menunjukkan perubahan daripada penekanan terhadap stilistik tradisional yang memperlihatkan pematuhan ketat ketepatan sintaksis dan sosial dari segi gaya kesusasteraan kepada stilistik kontemporari, iaitu linguistik forensik (Hernandez, 2017). Sehubungan dengan itu, lahirlah subcabang bidangnya, yakni bidang stilistik forensik (Hernandez, 2017; (lihat McMEnamin, 2012)). Bidang stilistik forensik merupakan pengaplikasian sains dalam stilistik linguistik dari konteks forensik (McMenamin, 2002, p. 163). Fokus utama stilistik forensik tertumpu pada pemeriksaan gaya dalam kes undang-undang (McMenamin, 2002, p. 163). Pakar linguistik terapan memerhatikan dan menganalisis perwakilan idiosinkratik yang kronik untuk mencari penanda gaya yang digunakan oleh seseorang penulis teks penulisan (Hernandez, 2017). Hal ini bertujuan untuk mengenal pasti kelaziman linguistik yang digambarkan oleh seseorang penulis teks penulisan (Hernandez, 2017). Pada waktu yang sama, McMEnamin (2002, p. 163) mengatakan bahawa aplikasi utama bagi stilistik forensik ialah persoalan pengarang (*questioned authorship*). Sebagai contoh, analisis stilistik forensik dilaksanakan terhadap bahasa penulisan, bahasa lisan dalam penulisan, pita transkrip, rakaman perbualan, temu bual dan analisis makna dalam dokumen seperti wasiat, polisi insuran, kontrak, perjanjian, undang-undang dan wacana lisan (McMenamin, 2002. p. 163).